

Pengabaian ialah perihal atau perbuatan mengabaikan keluarga, tugas, tanggungjawab, nasihat dan teguran, peluang dan kemudahan dan lain-lain lagi. Manakala, kanak-kanak menurut Common Law dalam kamus Black's Law Dictionary ialah seseorang yang belum mencapai umur 14 tahun.

Adapun, menurut Islam kanak-kanak ialah seseorang yang belum baligh. Mereka memerlukan bimbingan daripada orang yang lebih dewasa terutamanya ibu bapa dalam hal menguruskan diri. Tanpa ibu bapa, kanak-kanak akan hidup terumbang-ambing.

Di sini, suka bagi saya membicarakan pengabaian kanak-kanak daripada tiga faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan ini.

IBU BAPA

Mengikut fitrah, ibu bapa adalah orang yang paling menyayangi anak-anaknya. Mereka akan menjaga, membelai dan mendidik anak-anak menjadi insan berguna. Pada dasarnya, melindungi anak-anak adalah tanggungjawab ibu bapa. Namun, apabila ibu bapa sibuk bekerja, mereka alpa dan tidak mengambil peduli urusan anak-anak. Tidak kurang juga, ada ibu bapa yang sanggup mengurung anak-anak di dalam rumah dan membiarkan anak-anak mengurus diri sendiri, sementara mereka keluar mencari rezeki. Perkara ini tidak sewajarnya berlaku kerana kanak-kanak tidak mampu menguruskan diri mereka sendiri. Kenyataan ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t:

"Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya."
(Surah at-Talaq: 7)

PUSAT PENDIDIKAN

Pusat pendidikan juga perlu memainkan peranan bagi mengatasi masalah pengabaian kanak-kanak. Ini kerana, pusat pendidikan merupakan tunggak kemajuan ilmu pengetahuan. Kepentingan ilmu dapat dilihat menerusi ayat di bawah:

"Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang beriman itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya."
(Surah 'Ali Imran: 122)

Kita digesa untuk berjuang di medan perang, tetapi pada masa yang sama, umat Islam tidak dibenarkan keluar berperang kesemuanya. Kerana apa? Kerana keperluan kepada sebahagian yang lain lagi untuk mendalami ilmu agama agar apabila sekembalinya para pejuang, mereka dapat mempelajari ilmu tersebut daripada sebahagian yang tidak keluar berperang.

Ini bermaksud, ilmu membentuk pemikiran seseorang. Jika pusat pendidikan gagal menjalankan tanggungjawab mendidik anak bangsa dengan baik, maka masyarakat gagal untuk

menilai sesuatu perkara sama ada betul atau salah.

Pusat pendidikan juga perlu memberi penekanan dalam ilmu kekeluargaan dan bukan hanya memfokuskan kepada bidang-bidang seperti ekonomi, politik dan lain-lain sahaja. Seperti permasalahan yang dibicarakan mengenai ibu bapa mengabaikan anak-anak mereka, ini kerana mereka tidak memandang bahawa pengabaian itu adalah suatu perkara yang serius dan mendatangkan bahaya kepada proses pembesaran anak-anak. Mereka merasakan bahawa anak-anak mereka sudah mampu untuk menguruskan diri. Sedangkan risiko yang tinggi berkemungkinan akan berlaku jika anak-anak dibiarkan di rumah tanpa pengawasan ibu bapa.

Ilmu pengurusan rumah tangga ini hanya akan diperolehi daripada sistem pendidikan yang turut memperkenalkan bidang ilmu tersebut kepada para graduan yang bakal menempuhi alam rumah tangga pula. Sistem pendidikan ini hanya akan dapat dilaksanakan secara menyeluruh melalui pusat pendidikan yang diiktiraf, tidak kira yang bergerak secara formal atau tidak formal.

NAKHODA NEGARA

Di dalam kitab Bidayatull Wannahayah ada menyatakan bahawa Umar bin 'Abdul 'Aziz ada menyebut,

"Manusia itu berdasarkan agama (cara hidup) raja-raja mereka (pemerintah)."

Berdasarkan ungkapan di atas, fahamlah kita bahawa pengaruh pemerintah amat kuat kepada cara hidup rakyatnya. Andai pemerintah lebih mengetengahkan urusan ekonomi negara tanpa mengambil peduli soal pendidikan, maka rakyat hanya akan mengejar pembangunan ekonomi tanpa diri mereka terdidik. Kerana apa yang menjadi matlamat utama ialah ekonomi yang menjana sumber kewangan. Sedangkan, apa yang dibincangkan sebelum ini, ilmu itu penting untuk membentuk pemikiran. Cuba bayangkan, seandainya rakyat terdidik dengan ilmu yang betul, yang mengajar erti kehidupan yang sebenar, maka permasalahan mengenai pengabaian kanak-kanak akan dapat diselesaikan. Terutama apabila ibu bapa tersebut telah terdidik dengan ilmu pengetahuan mengenai hakikat kehidupan berkeluarga. Maka, apabila setiap di kalangan ibu bapa yang memahami konsep kekeluargaan, tidaklah mereka melakukan perkara-perkara menyalahi dan bertentangan dengan konsep tersebut. Itulah pentingnya ilmu pengetahuan, yang membentuk pemikiran seseorang.

Sebagai penutup, pengabaian kanak-kanak memberi kesan terhadap pembesaran kanak-kanak serta membantutkan hubungan sosial kanak-kanak tersebut. Secara tidak langsung, ia mendatangkan masalah sosial kepada negara. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi menangani masalah pengabaian kanak-kanak. Jangan hanya menuding jari kepada ibu bapa semata-mata kerana kepincangan sistem pendidikan dan nakhoda negara juga merupakan faktor yang menyumbang terjadinya pengabaian kanak-kanak.

KESAN PENGABAIAN Kanak-kanak DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN

ANAK-ANAK merupakan permata hati ibu dan ayah. Sudah pasti, kelahiran mereka dinanti-nantikan setiap pasangan suami isteri. Namun, malangnya ada ibu bapa yang sanggup mengabaikan anak mereka.